

24 JUN 1996

Anwar - M. Nasir

ANWAR MAHU KONTROVERSI M. NASIR DISELESAIKAN

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu kontroversi berhubung penyanyi-komposer M. Nasir diselesaikan secepat mungkin.

Katanya beliau telah meminta Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat mengambil langkah ke arah penyelesaian kontroversi itu sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali daripada percutiannya di seberang laut Khamis ini.

Memperpanjangkan kontroversi berhubung M. Nasir tidak akan memberi faedah kepada sesiapa dan jalan yang terbaik ialah menyelesaikannya dengan mendengar daripada M. Nasir sendiri supaya satu keputusan yang adil boleh dicapai, katanya di pejabatnya petang ini.

Beliau berharap peristiwa itu akan memberi pengajaran kepada masyarakat artis di negara ini supaya menghindarkan daripada berkelakuan yang boleh mencemarkan imej mereka kerana mereka mempunyai pengaruh dan pengikut tersendiri.

Petang ini, M. Nasir telah dijemput memberi keterangan membela diri di hadapan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Datuk Zawawi Mahmuddin, di Angkasapuri di sini.

Selepas pertemuan selama 35 minit itu, Zawawi memberitahu pemberita, pihaknya akan mengemukakan laporan perjumpaan tersebut kepada Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat minggu ini.

"Saya telah dengar penjelasannya dan saya akan laporkan kepada Menteri Penerangan dalam minggu ini," katanya.

Menjawab soalan sama ada beliau berpuas hati dengan pertemuan itu, hati atau tidak sebelum saya laporkan kepada menteri."

Katanya, beliau hanya diarahkan untuk mengendalikan kes itu tetapi terpulang kepada Menteri Penerangan untuk menimbang semula keputusan yang telah dibuat.

Kementerian berkenaan telah mengharamkan penyiaran segala bentuk karya M. Nasir melalui radio dan televisyen sejak dua minggu lepas kerana menganggap artis itu sudah melampaui batas ekorannya.

M. Nasir dikatakan mengeluarkan kata-kata yang dianggap menghina Perdana Menteri dengan bertanya "Siapa Dr Mahathir?" ketika diminta mengadakan latihan deklamasi untuk Malam Puisi Utusan Malaysia April lalu.

Ketika ditemui M. Nasir enggan mengulas mengenai perjumpaan tersebut.--
BERNAMA

WE OBA AU